




SEORANG penduduk menunjukkan saluran sisa buangan dari kawasan perumahan yang menghala ke Sungai Juru semalam.



BEGINILAH keadaan parit yang dicemari sisa minyak hitam dan menjejaskan Sungai Juru.

Sungai Juru makin tercemar

Oleh MALINDA ABDUL MALIK
berita@kosmo.com.my

GEORGE TOWN – Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa pihak berkuasa agar memberi perhatian serius terhadap masalah pencemaran Sungai Juru di Seberang Perai Tengah.

Hasil tinjauan CAP mendapati, terdapat sisa minyak hitam dibuang ke dalam parit yang bersambung dengan sungai tersebut selain pem-

buangan sisa toksik dari Kawasan Perindustrian Perai dan air kumbahan dari kawasan perumahan berhampiran.

Presidennya, SM Mohamed Idris mendakwa, pencemaran bukan sahaja menjejaskan kualiti alam sekitar malah mengakibatkan mata pencarian kira-kira 300 nelayan di situ terjejas kerana hasil tangkapan berkurangan.

“Majlis Perbandaran Seberang Perai, Jabatan Alam Sekitar serta Ja-

batan Pengairan dan Saliran perlu menjalankan siasatan segera dan mengambil tindakan proaktif bagi menangani masalah berkenaan.

Difahamkan, masalah pencemaran yang berlaku telah berlarutan sejak 40 tahun lalu, namun tiada langkah-langkah pencegahan yang berkesan dilakukan sehingga sekarang dan kesannya semakin membimbangkan.

Sementara itu, seorang penduduk Kampung Kuala Juru, Wahid Osman, 45, berkata, projek pertanian yang

dibangunkan di kawasan berhampiran turut menyumbang kepada pencemaran Sungai Juru.

Katanya, sisa kolam ternakan udang di kawasan berkenaan telah disalurkan ke sungai dan menyebabkan saliran di situ menjadi cetek akibat mendapan tanah.

“Pokok-pokok bakau juga mungkin akan mati, sekali gus memusnahkan tempat pembiakan ikan dan udang selain mengakibatkan hakisan pantai,” ujarinya.

INFO Sungai tercemar di Malaysia

- Sungai Skudai, Johor
- Sungai Tebrau, Johor
- Sungai Tukang Batu, Johor
- Sungai Air Baloi, Johor
- Sungai Juru, Pulau Pinang
- Sungai Jelutong, Pulau Pinang
- Sungai Pinang, Pulau Pinang
- Sungai Jejawi, Pulau Pinang
- Sungai Junjung, Pulau Pinang
- Sungai Kluang, Pulau Pinang
- Sungai Menggaris, Sabah
- Sungai Sepang, Selangor
- Sungai Buloh, Selangor
- Sungai Klang, Selangor
- Sungai Langat, Selangor